

29/01/1999

Cukai keluar baik untuk pelabur asing

SESUDAH empat bulan langkah kawalan berpilih tukaran asing dilaksanakan, 'cukai keluar' kini mungkin menjadi pilihan terbaik untuk membebaskan pelabur asing daripada terperangkap dengan dana begitu besar di pasaran tempatan.

Mengikut peraturan kawalan sekarang, pelabur asing dikehendaki memegang jumlah pelaburan prinsipal mereka selama setahun daripada tarikh pelaburan sebelum dibenarkan di bawa keluar.

Akhbar The Asian Wall Street Journal semalam menyebut, kerajaan mungkin mengumumkan butiran cukai keluar itu seawal-awalnya pada minggu ini.

Sementara itu, Reuters memetik pegawai kerajaan sebagai berkata bahawa perbendaharaan sudah menyiapkan penilaian mengenai implikasi cukai pendapatan mengenai cadangan terbabit, dan kajian itu sudah dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk penilaiannya.

Dr Mahathir dalam pertemuan dengan pengurus dana asing Isnin lalu menjelaskan cukai keluar akan diperkenalkan tidak lama lagi.

"Ramai pelabur dan penganalisis menjangkakan struktur cukai bertingkat, dengan kadar 20 peratus atau lebih bagi pelabur saham asing yang mengeluarkan pelaburan mereka dalam tempoh tiga bulan ia dibawa masuk," akhbar Asian Wall Street Journal melaporkan semalam.

Kadar cukai keluar itu dijangka terus mengecil jika lebih lama lagi pelaburan berkenaan berada di Malaysia sehingga mencecah sifar sesudah setahun.

"Ramai yang menjangka kerajaan mula mengira cukai itu mulai September 1998, jadi pelabur yang menyimpan wang mereka di sini sejak tarikh itu akan hanya dikenakan cukai antara 10-15 peratus pada Mac ini," katanya.

Seperkara yang perlu diselesaikan adalah bagaimana sistem cukai baru itu mengambil kira keuntungan pelaburan, yang mana pelabur asing kini bebas mengeluarkannya dari Malaysia.

Penganalisis menjangka cukai keluar akan dilevi kepada jumlah yang dibawa keluar pelabur asing, dengan tiada perkiraan diberikan antara wang yang dibawa masuk ke Malaysia dan hasilnya, sama ada keuntungan atau kerugian.

Penyelesaian kepada isu ini, kata penganalisis, adalah dengan menawarkan kepada pelabur tempoh sebulan untuk membawa keluar keuntungan pelaburan mereka di bawah sistem semasa.

Pegawai di Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan penasihat ekonomi kerajaan - Solomon Smith Barney, tidak dapat mengulas tetapi seorang jurucakap MTEN berkata, majlis itu sudah membuat penilaian mengenainya dan membentangkan kepada Perdana Menteri yang akan membuat keputusan akhir.

Pelabur mengakui adalah sukar untuk menjangka kesan cukai keluar kepada nilai dan pegangan pasaran, kerana pasaran lain jika ada pesamaan pun, sangat sedikit.

"Sesetengah kerajaan, mengenakan cukai kepada keuntungan pelaburan tetapi jelasnya tiada tempat di dunia yang mana pelabur terjejas dengan pengenaan cukai modal," kata seorang firma pembrokeran di Singapura.

(END)